

SEJARAH TINGKATAN 4

BAB 7: USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN

LATIHAN

PdPR

3.7.2021

NOTE:

Latihan ini merupakan tugas online yang menilai tahap penguasaan murid terhadap BAB 7. Markah yang pelajar miliki setelah melengkapkan latihan ini akan direkodkan dalam Pentaksiran Bilik Darjah.


Pantang mundur bosku!



Latihan Pengukuhan


Soalan Diagramatik

- 1 Lengkapkan rajah berikut dengan maklumat penubuhan kesatuan, persatuan dan parti-parti pada tahun 1946. Buku Teks ms. 172



- 2 Nyatakan kesan daripada tindakan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum. Buku Teks ms. 176 & 177

i-THINK Peta Pelbagai Alir



3 Lengkapkan maklumat berkaitan dengan Sistem Ahli. **Buku Teks ms. 178**

Sistem Ahli	
Maksud	(a)
Tarikh Pelaksanaan	(b)
Ahli yang Dilantik	(c)
	(d)
	(e)
	(f)
	(g)
	(h)
	(i)
	(j)

4 Lengkapkan maklumat berkaitan dengan cadangan Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956. **Buku Teks ms. 183**

**Cadangan
Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956**

- Sistem persekolahan yang sama bagi _____ semua bangsa.
- _____ sebagai bahasa pengantar utama.
- Kandungan kurikulum yang _____ dan bercorak kebangsaan.
- Penggunaan _____ di Sekolah Umum (rendah).
- Sekolah Jenis Umum (rendah) menggunakan bahasa Cina atau _____ atau bahasa Tamil.
- Mewajibkan mata pelajaran bahasa Melayu dan _____ di semua sekolah.
- Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di _____.
- Bahasa Inggeris menjadi mata pelajaran di _____.



Latihan Bestari SPM

Kertas 1

Jawab semua soalan.

- 1 Parti politik berikut merupakan yang terawal di Tanah Melayu.

- Kesatuan Melayu Muda
- Parti Kebangsaan Melayu Malaya
- Angkatan Pemuda Insaf

Apakah persamaan bagi ketiga-tiga buah parti tersebut?

- A Menentang komunis
- B Perjuangan secara radikal
- C Mengekalkan sistem monarki
- D Penentangan terhadap sistem demokrasi

Buku Teks ms. 172

- 2 Maklumat berikut berkaitan dengan parti politik yang ditubuhkan di Tanah Melayu.

Tarikh	Peristiwa
September 1951	Dato' Onn Jaafar mengasaskan Parti Kemerdekaan Tanah Melayu (IMP)

Mengapakah parti tersebut ditubuhkan?

- A Menentang UMNO
- B Menuntut kemerdekaan
- C Mewujudkan kerjasama kaum
- D Menginginkan jawatan Perdana Menteri

Buku Teks ms. 173

- 3 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) telah ditubuhkan pada bulan Januari 1949.

Apakah kesan penubuhan jawatankuasa tersebut?

- A Membanteras pengaruh komunis
- B Pengenalan Perlembagaan Rakyat
- C Penubuhan parti politik mengikut kaum
- D Meningkatkan kesedaran kerjasama politik

Buku Teks ms. 175

- 4 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) telah mencadangkan penubuhan agensi untuk meningkatkan ekonomi dan pendidikan orang Melayu. Mengapakah CLC mencadangkan penubuhan agensi tersebut?

- A Kekalkan hak istimewa
- B Wujudkan kerjasama kaum
- C Proses pelaksanaan Sistem Ahli
- D Tolak ansur melonggarkan syarat kerakyatan

Buku Teks ms. 177

- 5 British telah menjalankan dasar dekolonisasi selepas Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu. Bagaimanakah dasar tersebut diteruskan di Tanah Melayu?

- A Memperkenalkan Pentadbiran Tentera British
- B Mewujudkan pakatan murni
- C Pengenalan Malayan Union
- D Pembentukan Sistem Ahli

Buku Teks ms. 178

- 6 Apakah ciri-ciri Sistem Ahli?
- I Kabinet bayangan
 - II Ahli bertaraf menteri
 - III Keanggotaannya dipilih oleh rakyat
 - IV Setiap anggota bertanding dalam pilihan raya
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV


Buku Teks ms. 179

- 7 Laporan Barnes diperkenalkan pada tahun 1951. Apakah matlamat utama laporan tersebut?

- A Mewartakan Akta Pendidikan 1951
- B Mewujudkan sekolah vernakular mengikut bahasa
- C Mewajibkan penggunaan bahasa Inggeris di sekolah
- D Menekankan penggunaan bahasa pengantar di sekolah

Buku Teks ms. 180

- 8 Rajah berikut berkaitan dengan Ordinan Pelajaran 1952 yang diperkenalkan berdasarkan laporan-laporan sistem pendidikan di negara kita.



Apakah laporan tersebut?

- I Laporan Razak
- II Laporan Barnes
- III Laporan Fenn-Wu
- IV Laporan Rahman Talib

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Buku Teks ms. 180

9 Maklumat berikut berkaitan dengan kerjasama politik di negara kita mulai tahun 1940-an.

ARAS

- Pakatan PUTERA - AMCJA
- Persidangan Kebangsaan
- Konvensyen Kebangsaan
- Pembentukan Parti Perikatan

Apakah kepentingannya kepada negara kita?


- A Pembubaran Malayan Union

- B Pembentukan perpaduan kaum
- C Pengharaman Parti Komunis Malaya
- D Pengenal Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu

Buku Teks ms. 186 & 187

10 Gambar 1 menunjukkan logo Parti Perikatan 1955.

ARAS



Gambar 1

(Sumber: Buku Teks Sejarah Tingkatan 4, ms. 187)

Mengapakah logo tersebut dipilih?

- A Menerajui pentadbiran negara
- B Membentuk kerjasama kaum
- C Kesanggupan menanggung risiko
- D Kesediaan menempuh cabaran secara bersama

Buku Teks ms. 187